



GARIS PANDUAN SUMBANGAN KEBAJIKAN KELAB ANGGOTA KEJORA (KAK)

1.0 TUJUAN

Garis Panduan ini adalah rujukan kepada semua ahli Kelab Anggota KEJORA (KAK) mengenai sumbangan kebajikan yang disediakan dan boleh dimohon berdasarkan kadar dan syarat-syarat sebagaimana yang telah terkandung dalam garis panduan ini.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Sumbangan ini merupakan inisiatif dan keprihatinan KAK terhadap kebajikan ahli berdasarkan keputusan yang dipersetujui dalam Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-16 Kelab Anggota KEJORA bertarikh 29 April 2021.

2.2 Sumbangan kebajikan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu sumbangan kepada ahli dan kepada keluarga ahli berdasarkan syarat-syarat dan kadar yang telah ditetapkan.

3.0 SUMBANGAN KEPADA AHLI

KAK telah bersetuju untuk memberikan sumbangan kepada ahli berdasarkan 8 kategori sebagaimana syarat-syarat dan kadar berikut:

3.1 Khairat Kematian

- 3.1.1 Sumbangan Khairat kematian terbahagi kepada dua kategori iaitu kematian ahli dan bukan ahli;
- 3.1.2 Kematian bukan ahli terhad kepada isteri / suami / anak / ibu bapa (kandung) kepada ahli sahaja;
- 3.1.3 Kematian ahli tidak memerlukan permohonan dan terus dibayar kepada waris ahli keluarga secara terus melalui wakil ahli KAK;
- 3.1.4 Kematian bukan ahli hendaklah dimohon dalam tempoh **6 bulan** dari tarikh kematian melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan Salinan Sijil Kematian yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- 3.1.5 Kelayakan bagi kematian anak ahli hanya sebelum mencecah umur 21 tahun atau anak (tanpa mengira umur) yang mempunyai taraf Orang Kurang Upaya (OKU) yang masih dalam jagaan ahli sahaja.
- 3.1.6 Sumbangan kecemasan turut diberikan kepada anggota yang keguguran (bagi kandungan 5 bulan dan ke atas). Anggota perlu mengemukakan rekod hospital atau klinik dan mengemukakan borang permohonan kepada Biro Kebajikan KAK.

3.2 Perkahwinan Ahli

- 3.2.1 Sumbangan saguhati perkahwinan ahli terhad untuk perkahwinan kali pertama sahaja ketika berkhidmat di KEJORA.

3.2.2 Sumbangan saguhati perkahwinan ahli hendaklah dimohon dalam tempoh **6 bulan** dari tarikh pernikahan melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan Salinan Sijil Nikah / Surat Akuan Nikah yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

3.3 Hadiah Persaraan

3.3.1 Hadiah persaraan ahli adalah berdasarkan persaraan ahli yang berkhidmat dengan KEJORA (anggota yang mencapai tempoh persaraan atau bersara wajib atau pilihan).

3.3.2 Sumbangan ini memerlukan surat pengesahan persaraan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3.4 Kemasukan Wad

3.4.1 Kemasukan wad adalah ahli yang dimasukkan ke dalam wad untuk mendapatkan rawatan sama ada di hospital kerajaan atau swasta;

3.4.2 Sumbangan saguhati kemasukan wad hanya dibayar sekali sahaja mengikut tahun kewangan (setahun sekali) tanpa mengira jenis penyakit atau bilangan hari pada tahun tersebut;

3.4.3 Sumbangan saguhati kemasukan wad hendaklah dimohon dalam tempoh **6 bulan** dari tarikh keluar wad melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan surat atau daftar akaun kemasukan wad yang dikeluarkan oleh hospital kerajaan atau swasta.

3.5 Kelahiran Anak

- 3.5.1 Sumbangan saguhati kelahiran anak adalah sumbangan kepada anak kandung sahaja;
- 3.5.2 Sumbangan saguhati kelahiran anak tidak mengambil kira bilangan kelahiran anak sehingga ahli telah tamat keahlian bersama Kelab Anggota KEJORA;
- 3.5.3 Sumbangan saguhati kelahiran anak hendaklah dimohon dalam tempoh 6 bulan dari tarikh kelahiran anak melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan salinan sijil kelahiran anak atau MyKid yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia;
- 3.5.4 Satu permohonan untuk satu sijil kelahiran sahaja yang dibenarkan.

3.6 Saguhati Menunaikan Ibadah Haji

- 3.6.1 Sumbangan saguhati menunaikan ibadah haji adalah sumbangan kepada ahli yang menunaikan ibadah haji untuk kali pertama sahaja.
- 3.6.2 Sumbangan saguhati menunaikan ibadah haji hendaklah dimohon dalam tempoh 6 bulan dari tarikh surat tawaran melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan Salinan surat tawaran yang dikeluarkan oleh Lembaga Tabung Haji atau mana-mana pihak berkuasa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.

3.7 Sumbangan Penyakit Kritikal (36 Penyakit)

3.7.1 Sumbangan penyakit kritikal adalah sumbangan yang diberikan kepada keluarga asas ahli iaitu suami, isteri dan anak yang menghadapi salah satu daripada 36 penyakit kritikal seperti berikut:

Jadual 3.1 : Jenis-jenis penyakit kritikal yang berkaitan

Bil	Penyakit Kritikal
1	Buta
2	Pembedahan Otak
3	Tumor Otak Benigh
4	Kanser
5	Kardiomiopati
6	Koma
7	Pekak
8	Ensefalitis
9	Hepatitis Viral Fulminan
10	Serangan Jantung
11	Kegagalan Buah Pinggang
12	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)
13	Hilang Keupayaan Bertutur
14	Trauma Kepala Major
15	Penyakit Sistik Medular
16	Sklerosis Multiple
17	Penyakit Parkinson
18	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer
19	Strok
20	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk
21	Meningitis Bakteria
22	Anemia Aplastik Kronik
23	Kegagalan Hati Tahap Akhir
24	Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir
25	Pembedahan Injap Jantung
26	Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang
27	Penyakit Neuron Motor
28	Kelumpuhan Anggota
29	Pembedahan Aorta
30	Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang Yang Teruk
31	Kelecuran Tahap Ketiga
32	Angioplasti Dan Rawatan Invasive Lain Untuk Penyakit Arteri

	Koronari
33	Pembedahan Pintas Arteri Koronori
34	Penyakit Arteri Koronari Serius
35	AIDS Dengan Gejala Penuh
36	Jangkitan HIV Melalui Transfuse Darah

- 3.7.2 Sumbangan penyakit kritikal hendaklah dimohon dalam tempoh bermula rawatan penyakit tersebut dijalankan iaitu dari tarikh surat rawatan melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan Kelab Anggota KEJORA dan mengemukakan Salinan surat rawatan yang dikeluarkan oleh Hospital Kerajaan atau mana-mana hospital yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.
- 3.7.3 Sumbangan penyakit kritikal hanya dibayar sekali sahaja mengikut tahun kewangan semasa.

3.8 Kecemasan (Kemalangan / Bencana Alam)

- 3.8.1 Sumbangan kecemasan (kemalangan) diberikan kepada ahli yang mengalami sesuatu keadaan berbahaya atau serius, seperti kemalangan yang berlaku secara tiba-tiba atau luar jangkaan dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kesan yang berbahaya;
- 3.8.2 Sumbangan kecemasan (bencana alam) ini juga diberikan kepada anggota yang terlibat dalam bencana alam seperti banjir atau kebakaran yang terjadi disebabkan perubahan iklim yang merosakkan tempat tinggal anggota;
- 3.8.3 Sumbangan kecemasan hendaklah dimohon dalam tempoh **6 bulan** dari kemalangan yang berlaku melalui Jawatankuasa Kecil Kebajikan dengan menggunakan Borang Permohonan

Sumbangan Kebajikan KAK dan mengemukakan Salinan bukti bergambar atau dokumen yang berkaitan.

4.0 KADAR SUMBANGAN KEPADA AHLI MENGIKUT KATEGORI

4.1 Kadar Sumbangan Kepada Ahli Mengikut Kategori

Jadual 4.1 : Kategori dan kadar sumbangan kepada ahli

Bil	Kategori Sumbangan	Kadar (RM)
1.	Khairat Kematian : *Ahli Isteri / Suami / Anak/ Ibu (kandung) / Bapa (kandung)	700.00 500.00
2.	Perkahwinan Ahli (Kali Pertama Sahaja)	200.00
3.	*Hadiah Persaraan	700.00
4.	Kemasukan Wad (Sekali Setahun)	300.00
5.	Kelahiran Anak (Tiada Had)	150.00
6.	Saguhati Menunaikan Ibadah Haji (Kali Pertama Sahaja)	350.00
7.	Kecemasan (Kemalangan / Bencana Alam)	150.00
8.	Sumbangan Penyakit Kritikal (36 Penyakit) (Sekali Setahun)	1,000.00

Nota:

- i. *Mana-mana terdahulu (pembayaran hanya salah satu sahaja)*
- ii. *(*) – akan dibayar secara terus tanpa perlu mengemukakan permohonan*

5.0 INSENTIF KECEMERLANGAN

5.1 Insentif Kecemerlangan Pendidikan Dan Akademik (IKPA)

5.1.1 Ahli KAK

5.1.1.1 Insentif kecemerlangan pendidikan dalam akademik (IKPA) yang diberikan kepada ahli yang berjaya menamatkan pelajaran ke peringkat lebih

tinggi adalah berdasarkan syarat-syarat dan kadar yang telah ditetapkan sebagaimana berikut:

Jadual 5.1: Kategori dan kadar sumbangan kepada ahli

Bil	Kategori Sumbangan	Kadar (RM)
1	Sijil Profesional (membawa gelaran)	200.00
2	Diploma	350.00
3	Ijazah Sarjana Muda	450.00
4	Sarjana (Master)	500.00
5	Doktor Falsafah (PHD)	550.00

5.1.1.2 Sumbangan IKPA ini hanya boleh diberikan kepada Ahli KAK yang masih berkhidmat di KEJORA, lulus dan berjaya menamatkan pelajaran.

5.1.1.3 Sumbangan IKPA hendaklah dimohon dalam tempoh 6 bulan selepas tarikh watikah pelantikan / surat jemputan konvokesyen diterima.

5.1.1.4 Ahli hendaklah mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan (yang telah disahkan).

5.1.2 Bukan Ahli

5.1.2.1 IKPA kepada bukan ahli adalah sumbangan yang diberikan kepada anak ahli yang mempunyai pencapaian akademik berdasarkan syarat-syarat dan kadar sebagaimana berikut:

- i. Sumbangan ini hanya boleh diberikan kepada anak (kandung) ahli KAK sahaja;
- ii. Sumbangan ini hanya boleh diberikan berdasarkan keputusan semasa anak ahli bagi tahun kewangan semasa sahaja. Contohnya, peperiksaan SPM pada tahun 2011 dan keputusan dikeluarkan pada tahun 2012. Maka, ahli boleh menuntut sumbangan pada tahun 2012 selepas keputusan dikeluarkan. Manakala peperiksaan sebelum tahun 2011 tidak boleh dituntut oleh ahli;
- iii. Sumbangan ini juga hendaklah dimohon dalam tempoh **6 bulan** selepas tarikh keputusan peperiksaan diumumkan dengan menggunakan Borang Permohonan Sumbangan Kebajikan KAK;
- iv. Ahli hendaklah mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan (yang telah disahkan) beserta salinan kad pengenalan atau sijil kelahiran anak ahli;
- v. Kadar Insentif Kecemerlangan Akademik (IKA) sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 5.2: Kategori dan kadar sumbangan kepada anak ahli

Bil	Kategori Sumbangan	Pencapaian	Sumbangan (RM)
1.	UPSR / Setaraf	6 A dan ke atas	100.00
2.	Darjah Khas (Agama)	Pangkat 1	100.00
3.	PMR / PT3 / Setaraf	8A dan ke atas	130.00
4.	SPM / Setaraf	8A dan ke atas	150.00
5.	STPM	PNGK 3.5 dan ke atas	150.00
6.	STAM	MUMTAZ (Cemerlang)	150.00
7.	Diploma	PNGK 3.5 dan ke atas	150.00
8.	Ijazah Sarjana Muda	PNGK 3.5 dan ke atas	200.00
9.	Sarjana (Master)	PNGK 3.0 dan ke atas	300.00
10.	Doktor Falsafah (PHD)	Lulus	350.00

5.2 INSENTIF KECEMERLANGAN SUKAN (IKS)

5.2.1 Insentif Kecemerlangan Sukan (IKS) adalah sumbangan yang diberikan kepada ahli yang mempunyai pencapaian penyertaan sukan di peringkat kebangsaan / antarabangsa.

5.2.2 Kadar sumbangan IKS adalah sebanyak RM300.00 sahaja bagi ahli. Permohonan hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam tempoh **6 bulan** daripada tarikh program yang disertai.

6.0 TEMPOH MEMBUAT TUNTUTAN

Sebarang tuntutan yang melebihi tempoh tuntutan yang telah ditetapkan di dalam garis panduan ini adalah tidak boleh dipertimbangkan dan sebarang

rayuan mengenainya adalah tertakluk kepada pertimbangan Jawatankuasa Induk Kelab Anggota KEJORA.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa pada 01 Januari 2023.

Sekian, terima kasih

Disemak dan disahkan oleh,



(HAJI ABIDULLAH BIN S. ALI)
Ketua Unit Pelaburan
Merangkap Pengerusi
Kelab Anggota KEJORA (KAK) Sesi 2023-2025
Tarikh : 19 MAY 2024